

04 OCT 2003

Asean SOM-Bon

JEPUN DIJANGKA NYATAKAN SOKONGAN BAGI PASARAN BON ASIA

Oleh Salbiah Said & Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 4 Okt (Bernama) -- Jepun dijangka menyatakan sokongan rasminya terhadap cadangan mewujudkan Pasaran Bon Asia semasa sidang kemuncak kesembilan Asean selama dua hari yang bermula pada 7 Okt, di sini.

Makarim Wibisono, pengerusi mesyuarat pegawai-pegawai kanan (SOM) Asean+3 (Jepun, China dan Korea Selatan) yang diadakan sebelum sidang kemuncak berkata para pegawai Jepun telah menyatakan ini dalam mesyuarat mereka hari ini.

"Jepun melihat terdapat keperluan bagi Asean dan Jepun untuk menyatukan rizab negara-negara Asia menjadikannya satu mekanisme pengumpulan modal," kata beliau dalam majlis taklimat media mengenai mesyuarat bersama dan berasingan antara SOM Asean dan rakan-rakan dialognya.

Beliau berkata, Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi akan membangkitkan hal itu dan isu-isu lain termasuk penahanan pemimpin pro-demokrasi Myanmar Aung San Suu Kyi, konflik di Aceh, Mindanao dan Korea Utara semasa perbincangan beliau bersama pemimpin-pemimpin Asean dalam sidang kemuncak itu.

Idea pasaran bon Asia itu yang dilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lebih kurang dua tahun lepas bertujuan menggumpul modal yang boleh digunakan bagi Asia yang kini banyak bergantung kepada pasaran bon Amerika Syarikat dan Eropah sebagai sumber pembangunannya.

Makarim, yang juga Ketua Pengarah Hal Ehwat Asia Pasifik dan Selatan Afrika di Kementerian Luar Indonesia berkata, semasa mesyuarat Asean SOM-Jepun, Jepun dikatakan akan membangkitkan hal kerjasama dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan rangkaian jalur lebar Asia.

Berhubung integrasi Asia Timur, beliau berkata terdapat perbincangan akan kemungkinan mewujudkan Perjanjian Perdagangan Bebas Asia Timur.

Perkara itu dibentangkan oleh pegawai kanan China yang berkata ada merit dalam kawasan perdagangan bebas Asean+3 yang akan menyebabkan negara-negara berpotensi menikmati pasaran yang memberangsangkan di tahun-tahun akan datang.

Para pegawai Asean berkata, rancangan oleh China dan Asia Tenggara untuk menubuhkan zon perdagangan bebas terbesar di dunia, bukan sahaja akan menguntungkan mereka sendiri tetapi juga pelabur asing.

Zon perdagangan bebas yang dicadangkan itu akan menyatukan penduduk China dan Asean menjadikannya satu pasaran dengan of 1.7 bilion pengguna menjelang 2010.

Ditanya mengenai kerjasama Asia Timur yang dicadangkan oleh Korea Selatan, Makarim berkata idea itu masih dalam kajian oleh kumpulan pakar negara itu.

Satu forum Asia Timur akan diadakan untuk membincangkan lagi idea itu.

"Pada peringkat ini tiada idea konkrit berhubung Kerjasama Asia Timur. Ia masih terlalu awal bagi kita membandingkannya dengan Asean+3 yang sudahpun wujud dan kita mempunyai program-program dalamnya," kata beliau.

Sidang Kemuncak Bali yang juga akan dihadiri oleh Dr Mahathir bagi kali terakhir sebagai Perdana Menteri memandangkan beliau akan bersara hujung bulan ini, akan muncul dengan `Bali Concord' yang akan menggariskan tiga tonggak iaitu penubuhan Masyarakat Ekonomi Asean, Masyarakat Keselamatan Asean dan satu Masyarakat Sosial dan Budaya Asean menjelang 2020.

Dokumen-dokumen lain yang akan ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin Asean dan rakan dialog mereka ialah satu rangka kerja antara Asean dan Jepun, satu deklarasi mengenai perkongsian strategik bagi keamanan dan

kemakmuran bersama China.

-- BERNAMA

SS OPP HM PR